

'Selidik dahulu, rujuk pejabat tanah'

Rakyat diminta jangan percaya khabar angin, tanah diteroka untuk kediaman tidak akan diusik

TANJONG KARANG - Penduduk di daerah ini disarankan tidak terlalu mempercayai khabar angin kononnya tanah kediaman berstatus lesen menduduki sementara (TOL) akan dirampas kerajaan negeri selepas mereka tidak lagi dibenarkan memperbaharui lesen itu.

Pegawai Daerah Kuala Selangor, Suliman Abd Rahman menjelaskan, setiap berita yang diterima diselidik dan dirujuk kepada Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor.

Beliau tidak menafikan ada penduduk diberi notis mengosongkan tanah daripada sebarang projek tanaman atas tanah milik kerajaan negeri terutamanya tanaman kekal seperti kelapa sawit.

"Memang ada notis diberikan kepada penduduk untuk mengosongkan tanah yang diusahakan kelapa sawit disebabkan tanah itu di bawah rizab sungai mahupun jalan.

"Namun, tanah yang diterokai bagi kediaman tidak akan diusik se-



Suliman (duduk, tengah) merakam kenangan bersama barisan ketua kampung dan penghulu mukim sempena Program Lawatan Kerja Pegawai Daerah Kuala Selangor di Balai Penghulu Mukim Tanjung Karang 2.

iring hasrat kerajaan negeri yang mahu beri tanah kediaman kepada rakyat negeri ini," katanya selepas hadir Program Lawatan Kerja Pegawai Daerah Kuala Selangor di Balai Penghulu Mukim Tanjung Karang 2, di sini semalam.

Suliman berkata, sudah menjadi hasrat kerajaan negeri mahu memberikan tanah kediaman untuk rakyat

Selangor dan di daerah ini, usaha itu dijalankan secara berperingkat.

"Mana-mana penempatan setting-gan di atas tanah rizab kerajaan di daerah ini dikenal pasti supaya hak pem-bеримілікан tanah untuk kediaman diberikan kepada yang layak.

"Memang isu tanah kediaman menjadi keutamaan sebab kerajaan nak bagi rakyat memiliki tanah sendi-

ri. Tapi jangan pula mereka sewenang-wenangnya jual kepada orang lain sebab nak raih untung cepat.

"Tapi bagi tanah yang diteroka bertujuan pertanian akan dipantau sebab kerajaan negeri sudah memutuskan untuk beri notis pengosongan kepada yang terlibat," katanya.

Isu sama berlaku kepada 300 pe-nanam kelapa sawit apabila notis pe-

ngosongan tanah kerajaan di rizab sungai iaitu zon penampang banjar Sungai Selangor di Ijok mula diedarkan kepada pekebun sejak 10 April lalu.

Merujuk notis yang diterima, pentadbir tanah mendapat sekumpulan individu mengusahakan aktiviti penanaman kelapa sawit di sebahagian tanah milik kerajaan negeri secara tidak sah.

Tanah terbabit didapati adalah rizab sungai dan menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 425(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965, malah segala tanaman di tanah terbabit akan diambil tindakan di bawah akta sama.

Pekebun kelapa sawit dinasihatkan supaya mengosongkan tanah untuk tempoh 30 hari dari tarikh surat dikeluarkan sebelum tindakan di bawah Seksyen 426A(1)(b) iaitu merampas apa-apa kenderaan, traktor, alat pertanian atau apa-apa benda lain sekalipun yang dipercayai digunakan dalam melaksanakan sesuatu kesalahan di bawah Seksyen 426A (1)(b).